



Heng Huat bakal peneraju pasaran sabut kelapa menerusi pembelian SKT

Tarikh kemaskini: 05/09/2019

KUALA LUMPUR, 5 Sept -- Heng Huat Resources Group Bhd (Heng Huat) membeli 97 peratus kepentingan ekuiti dalam Sabut Kelapa Terengganu Sdn Bhd (SKT) yang menghasilkan dan menjual bahan biojisim kelapa dan produk nilai tambah, bernilai RM200,000.

Anak syarikat milik penuhnya Heng Huat Industries Holdings Sdn Bhd hari ini menandatangani perjanjian penjualan saham untuk memperkukuh penguasaan pasaran dan meningkatkan prestasi kewangan bahagian biojisim.

Dalam kenyataan hari ini, Pengarah Urusan Heng Huat Datuk H'ng Choon Seng berkata pembelian itu akan meletakkan Heng Huat pada trajektori pertumbuhan yang lebih tinggi memandangkan ia terus memperkukuh kedudukannya sebagai penggiat serantau dalam industri biojisim.

"Berdasarkan anggaran syarikat, Heng Huat yang turut terlibat dalam mengeluarkan sabut kelapa, akan menjadi peneraju tunggal terbesar pasaran sabut kelapa Malaysia dengan penguasaan pasaran sebanyak 80 peratus," katanya.

SKT mempunyai kilang pembuatan di zon perindustrian Setiu, Terengganu dengan kapasiti pengeluaran bulanan sabut kelapa sebanyak 150 tan metrik dan 240 tan metrik sabut kelapa hancur.

"Sinergi diantara Heng Huat dan SKT adalah baik bagi syarikat itu memandangkan lokasi kilang yang terletak di Setiu, Terengganu akan memastikan jumlah besar dan bekalan bahan mentah yang berterusan seperti sekam kelapa pada harga kos berkesan.

"Kos pengangkutan akan dikurangkan secara ketara berikutan jarak ke kilang itu adalah lebih dekat," kata H'ng.

Pertanian merupakan aktiviti ekonomi utama di Setiu, terutamanya penanaman kelapa, sawit dan getah.

"Bagi jangka panjang, kami menjangka sebaik sahaja projek Laluan Rel Pantai Timur siap, kita dapat memanfaatkannya dengan menghantar produk secara terus ke Pelabuhan Klang untuk dieksport," katanya.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Heng Huat berkata SKT mencatat kerugian bersih dan liabiliti bersih masing-masing sebanyak RM728,839 dan RM728,939, bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Dis, 2018.

-- BERNAMA



Berita Utama Terdahulu

- Agong, Raja Permaisuri berangkat ke Majlis Jamuan Teh Diraja
- Turun singgahsana kurnia anugerah, tindakan spontan Agong sentuh hati penerima
- Imigresen Kelantan terima 97 permohonan program pulang ke negara asal
- Diplomat ucap tahniah kepada Agong sempena Hari Keputeraan rasmi
- Operasi bersih Sungai Ichat terhenti berikutan permohonan injunksi petani